


Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran

Rekabentuk Kearah Inovasi

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris*

Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)
& Azahar Harun (PhD)*

Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi

Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'

Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi

Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"

Rosli Zakaria (PhD)

Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop

Azahari Haji Khalip

Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

Zunar dan Kartun

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

Modul Asas Pembuatan Sandal

Ibrahim Othman



Foto oleh:
Wan Nur Khalisah Shamsudin

Jurnal
Inspirasi Seni Intelektual
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka
Julai 2019
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA
(FSSR),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN
MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel : +606 558 2000.

Atur Huruf oleh / Typeset by
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Nurkhazilah Idris

Reka bentuk kulit dan buku oleh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

Ahli Jawatankuasa Jurnal
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Wan Nur Khalisah Shamsudin
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain
Shafirah Shaari
Nurkhazilah Idris

Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Penaung

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

Penasihat

Prof Madya Dr Azahar Harun

Ketua Editor

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

Editor

Wan Nur Khalisah Shamsudin
Nurkhazilah Idris

Pereka Grafik

Wan Nur Khalisah Shamsudin

Reviewer

Prof Madya Dr Azahar Harun
Dr Rosli zakaria
Dr Nadzri Mohd Sharif
Dr Haslinda Abd Razak
Dr Liza Marziana Mohammad Noh
Dr Sharmiza Abu Hassan

Prakata

Bismillahirraahmaniraahim.
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

Dr. Liza Marziana Mohammad Noh

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

Isi Kandungan

i Prakata

ii Isi Kandungan

1 **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran
Rekabentuk Kearah Inovasi**
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof
& Nurkhazilah Idris

11 **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**
Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)

16 **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk
Masjid Tengker Melaka**
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

26 **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru
dalam Fotografi**
Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias

34 **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

44 **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan
Hang Tuah dan Cin Cu’**
Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi

53 **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**
Rosli Zakaria (PhD)

64 **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

71 **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**
Azahari Khalip

81 **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah
& Mohd Fauzan Mat Sari*

96 **Zunar dan Kartun**
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

105 **Modul Asas Pembuatan Sandal**
Ibrahim Othman

Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi

*Dona Lowii Madon
Raziq Abdul Samat
Aidah Alias*

Abstrak

Foto atau gambar dihasilkan melalui 2 elemen penting iaitu pendedahan kepada cahaya, dan operasi kimia. Bagi menghasilkan sesebuah imej foto, cahaya dikategorikan sebagai peranan primer dan penggunaan bahan kimia sebagai sekunder. Bahan kimia digunakan bagi mengekalkan imej laten atau bagi imej kelihatan secara kekal. Bahan kimia atau operasi kimia ini merupakan langkah terakhir dalam proses untuk menghasilkan imej kekal. Unsur penting dalam proses penyelidikan karya ini adalah menggunakan bahan fotosensitif, penyelesaian kimia dan bahan organik. Teknik-teknik ini adalah pra-fotografi; berkaitan dengan ukiran, lukisan, litografi, dan lain-lain daripada fotografi itu sendiri. Hipotesis kajian ini adalah penghasilan karya daripada kepelbagaian teknik fotografi konvensional boleh digunakan semula melalui pengimejan digital. Era digital telah membayangi proses asal untuk menghasilkan pelbagai kesan fotografi seperti nada sephia, calotype, toner, 'dodging' dan 'burning'. Salah satunya ialah teknik *fotogram*. Proses *fotogram* berlaku apabila objek ditempatkan pada kertas yang sensitif. *Fotogram* merupakan teknik yang digunakan bagi menghasilkan imej hitam dan putih. Faktor utama tidak menggunakan bahan kimia adalah kerana bahan kimia yang digunakan untuk menghasilkan imej amat sukar untuk diperolehi pada hari ini. Oleh itu, pengarang mendapat cetusan idea melakukan proses *fotogram* yang mana hasilnya sama tanpa perlu memasuki bilik gelap dan tanpa menggunakan tindak balas kimia sebaliknya menggunakan teknologi pengimejan digital.

Kata kunci: Era digital, digital fotogram, fotografi alternatif.



Pengenalan

Teknologi fotografi telah berubah secara dramatik sejak penemuannya pada tahun 1840, walau bagaimanapun prinsip-prinsip dalam menghasilkan imej dengan komposisi yang baik tetap kekal hingga kini. Contohnya seperti imej yang diambil pada tahun 1840 oleh Henry Fox Talbot dan Daguarre. Imej tersebut telah dihasilkan dengan nilai pesona yang sangat memberi inspirasi sehingga tiada imej yang dihasilkan dengan peralatan paling moden kini mampu untuk menandingi imej tersebut. Walau bagaimanapun teknologi tidak menjadikan imej itu lebih baik dan mudah untuk dihasilkan, ia telah memberikan impak yang mendalam dalam perubahan di tempat lain dalam bidang fotografi.

Sejak dahulu lagi fotografi telah menjadi sumber inspirasi dan minat semua orang yang cintakan keindahan seni tanpa mengetahui cara menggambar atau membuat lukisan. Fotografi telah menjadi hobi bagi hampir semua orang walaupun mereka tidak mempunyai latar belakang seni. Sejak munculnya teknologi digital yang tersebar di seluruh dunia, hampir semua perkara yang berhubung kait dengan imej diambil secara digital. Terdapat hampir pelbagai cara untuk membuat gambar kerana terdapat jurugambar profesional, dan teknologi digital hanya membuat senarai lebih unik dan menarik. Pada masa kini jurugambar tidak lagi memproses di ruang gelap untuk mendapatkan imej. Hal ini berpunca daripada kesukaran atau limitasi untuk memperolehi bahan kimia yang digunakan dalam proses penghasilan sesebuah imej. Bagi menangani hal tersebut jurugambar mengambil inisiatif daripada teknologi terkini. Teknologi komputer membolehkan proses pemindahan imej dan percetakan 10 kali lebih cepat. Masa teknologi hiper

membuat manusia bergerak lebih cepat dan meninggalkan kaedah tradisional di belakang. Mesin merupakan alat yang perlu ada dan mempunyai gadget adalah keperluan. Malah Polaroid tidak lagi menjadi tuntutan yang tinggi kerana anda boleh mendapatkan hasil imej dengan serta-merta menggunakan kamera digital.

Fotografi digital

Pembelajaran fotografi digital adalah sama seperti fotografi konvensional. Fotografi digital mempunyai hasil yang sama tetapi antaranya dihasilkan melalui teknik dan pendekatan yang berbeza. Hasil akhir fotografi konvensional biasanya sangat terhad dan diproses serta dicetak di dalam bilik gelap. Manakala fotografi digital, terhasil dari pelbagai perisian dan aplikasi yang membolehkan imej diolah untuk menghasilkan gambar dalam bentuk manipulasi.

Sebagai pengajar, pendekatan digital juga menjadikannya lebih mudah untuk menunjukkan teknik dan prosedur secara satu sama satu antara pelajar. Pelajar lebih terdedah dengan teknologi terkini dan boleh melihat hasil dengan serta-merta.

Photogram

"Photogram" secara amnya merujuk kepada teknik di mana objek ditempatkan pada kertas sensitif tanpa menggunakan kamera sebagai perantara dan mendedahkannya kepada cahaya untuk membuat imej hitam dan putih. Fotogram terhasil daripada proses *camera obscura*. Proses ini terhasil daripada cahaya melalui lubang kecil dalam sebuah ruangan dan dari lubang kecil itu terpantul bayangan atau gambaran yang tampak. Pendedahan asas

mengenai pencahayaan dan bagaimana terhasilnya fotografi daripada cahaya dalam bilik gelap adalah fotogram. Perkataan Hasilnya adalah bayangan negatif, kita dapat melihat imej yang bervariasi dalam nada, bergantung pada ketelusan objek yang digunakan. Bidang kertas yang tidak menerima cahaya kelihatan putih dan mereka yang terdedah melalui objek telus atau separa telus kelihatankelabu. Apabila selesai hanya sekurang-kurangnya butiran terperinci akan dapat dilihat, menghasilkan gambaran yang agak nyata.

Dalam sejarah gambar, fotogram memegang kedudukan prestig kerana mereka adalah genre pertama penghasilan gambar. William Fox Talbot (1800-1877) dianggap sebagai bapa fotogram yang membuat banyak imej ini dengan penempatan daun dan kepingan objek seperti renda pada kertas sensitif foto dan kemudian mendedahkannya kepada matahari. Satu lagi orang yang layak mendapat kredit untuk evolusi fotografi ialah Anna Atkins (1799-1871). Anna Atkins telah mengeluarkan buku photograms pertama dalam sejarah fotografi. Kedua adalah penemuan semula potensi potret seperti yang ditunjukkan oleh Christian Schad, Man Ray dan Lazlo Moholy-Nagy dalam tempoh seni Dada, Surrealist dan Konstruktivis.

Digital Photogram

Satu lagi teknik Digital Photogram alternatif yang diperkenalkan oleh Harold Davis ialah dengan meletakkan objek di kotak cahaya. Kemudian imej akan direkod dengan enam dedahan yang berbeza. Kamera digital digunakan untuk merekod imej dan menggabungkan semua enam dedahan. Idea pembelajaran teknik digital fotogram tercetus daripada

penelitian terhadap teknik yang digunakan oleh Davis H..

Sesetengah pengubahsuaian telah dibuat untuk menjadikan proses lebih mudah dan mudah dibuat tetapi masih mengekalkan hasil yang sama. Dalam artikel ini, pengarang masih lagi mengekalkan hasil fotografi dari konvensional, tetapi penekanan dari segi teknologi moden ditekankan dan penghasilan imej dari kamera digital kepada digital darkroom menggunakan perisian yang sesuai. Penghasilan imej bertujuan untuk penerbitan dan penerokaan teknik dan idea yang baru.

Kajian Literasi

Imej positif pertama berjaya dibuat pada tahun 1826-1827 dengan menggunakan plat pewter dan dilapisi bahan sensitif cahaya iaitu Bitumen Judea (asphaltum) yang akan larut dalam minyak lavender tetapi tidak larut jika terdedah kepada cahaya (J.Cristopher, 2007). Menurut László Moholy-Nagy, fotogram itu menunjukkan hubungan baru ruang, bentuk dan cahaya. Teknik ini membuktikan pendekatan "produktif" Moholy-Nagy terhadap fotografi dan juga dilihat berdekatan dengan fotografi sinar-X sains yang muncul semasa separuh tahun kedua 1920-an (Molderings, 2009).

Foto-foto pertama Moholy-Nagy pada tahun 1922 adalah komposisi kepingan kertas dipotong menjadi bentuk geometri serta kecil objek biasa dan secara beransur-ansur dibangunkan di bawah cahaya matahari (Heyne, 2009). Bukan sahaja imej hasil interaksi antara cahaya dan objek, tetapi ia juga mempunyai sentuhan kualiti yang timbul daripada hubungan fizikal antara objek dan kertas fotografi. Proses pembuatan imej percubaan Moholy Nagy's, memperkenalkan kaedah rakaman alternatif ingatan melalui sentuhan.

Artis kontemporer Adam Fuss mengeksplorasi lebih lanjut kemampuan fotogram dan hubungannya dengan fenomena fizikal melalui penggunaan cecair dalam gerakan, jejak reptilia, dan organ arnab ke atas permukaan kertas. Imej-imej yang dihasilkan membangkitkan deria naluri manusia (Jones, 1993). Karya-karyanya bergerak seiring dengan pengamal awal abad ke-19 yang membuat photogram tumbuhan dan renda serta para inovator pada awal abad ke-20 yang telah mengembangkan teknik photogram secara teknis dan artistik.

Fotogram adalah gambar fotografi yang dihasilkan tanpa menggunakan kamera. Teknik ini mudah dilakukan dengan meletakkan pelbagai objek pada permukaan kertas foto sensitif cahaya lalu didedahkan pada cahaya dan dikekalkan melalui prose bilik gelap. Hasilnya adalah gambaran negatif kerana bayang2 imej akan menjadi terang dan kawasan yang terdedah akan menjadi gelap.

Pada masa era digital kini, fotografi fotogram yang semakin melenyap boleh dihidupkan semula dengan menggunakan pengimbas untuk menghasilkan imej yang menyerupai fotogram (Papadakis, 2013) [4]. Pembentukan fotogram digital adalah cara kreativiti baru untuk beralih kepada teknologi moden.

Peralatan digital menawarkan pelbagai peluang menarik untuk membuat gambar tanpa menggunakan kamera. Pengimbas filem 35 mm akan menerima objek rata yang kecil dan diapit antara cermin untuk mendapatkan imej yang lebih telus cahaya. Kelopak bunga, bijian, atau benang fabrik kain lut semuanya boleh diimbas terus ke fail digital dengan cara sama seperti slaid atau negatif yang diapit bersama beberapa keping untuk membentuk imej

komposit. Cara ini lebih baik jika menggunakan pengimbas rata dengan penutup pengimbas terbuka. Cara ini lebih fleksibel kerana pengimbas mempunyai ketetapan saiz yang boleh dilaras untuk disimpan ke dalam komputer (Langford, 2000).

Aplikasi Kaedah Photogram Digital


Terdapat pelbagai kemungkinan cara yang boleh digunakan untuk menghasilkan fotogram. Jika mengikut teknik yang asal, objek akan diletakkan diatas kertas fotosensitif dan kemudian didedahkan kepada cahaya yang datang dari atas. Namun untuk projek ini, objek akan diletakkan diatas 'table top' atau kotak cahaya untuk mendapatkan pencahayaan dari belakang objek. Ini bertujuan untuk mendapatkan lebih jelas garis perincian pada objek. Tujuan utama adalah untuk pelajar mengenal apakah itu fotogram setelah bilik gelap telah dimansuhkan dalam silibus pembelajaran fotografi. Pelajar telah mendapat tugas untuk melakukan fotogram digital dengan menggunakan kamera dan teknologi yang sedia ada. Maka beberapa pembaharuan telah dilakukan untuk memudahkan proses menghasilkan fotogram digital ini.

Peralatan yang diperlukan

Peralatan utama yang diperlukan ialah kamera digital dengan mod pendedahan manual. Perspektif putih yang boleh menembusi cahaya (atau peti cahaya) digunakan untuk meletak objek. Manakala sumber cahaya adalah dari lampu flash studio.

Di bawah perspex, lampu kilat telah diletakkan di atas lantai dengan menggunakan pemacu radio yang dilampirkan. Lampu kilat itu mestilah menunjuk ke atas ke arah bawah

perspex. Apabila pengatup kamera ditekan, pemancar radio akan menerima isyarat dari kamera dan mencetuskan denyar. Kamera kemudian menangkap foto latar belakang yang terang dengan objek yang diletakkan di latar belakang yang kelihatan gelap. Salah satu manfaat menggunakan lampu kilat untuk membuat foto menerusi pencahayaan yang berterusan adalah kilat ini akan membolehkan anda menggunakan kelajuan pengatup yang cepat. Penggunaan tripod tidak berapa penting, tetapi sangat berguna untuk mengelakkan imej menjadi kabur.



Gambar 1 : Gambar diatas menunjukkan cara melakukan fotogram digital.

Pemilihan objek

Objek yang bakal digunakan perlu mempunyai ciri-ciri "telus cahaya tetapi tidak lutsinar " yang bermaksud objek yang apabila dilihat itu tidak lutsinar, tetapi cahaya dapat menembusi objek tersebut. Objek akan ditempatkan di atas meja studio (atau boleh menggunakan kotak cahaya) kemudian merekodkan imej dengan 'bracketing' (satu perhentian di bawah, normal, normal dan satu hentian diatas normal).


Dalam sesetengah keadaan, lebih baik untuk mencipta imej fotogram item yang tegak dan leper. Ini bagi memudahkan perincian subjek itu dapat dirakam dengan jelas. Sehubungan itu, penggunaan sekeping cermin lutsinar yang diletakkan diatas subjek untuk mendapatkan permukaan subjek yang rata. Sebagai alternatif, subjek juga boleh dileperkan dahulu didalam buku atau diapit dengan kuat supaya subjek tidak menggelembung ketika dirakam. Ini kerana ditakuti perbezaan jarak fokal akan terganggu dan menyebabkan imej di sesetengah bahagian menjadi kabur jika menggunakan bukaan cahaya yang besar.

Menggunakan 'Bracketing'

Caracepat dan mudah untuk mendapatkan pendedahan yang terbaik adalah dengan menggunakan menu penahan automatik dalam kamera digital. Jika fungsi kurungan dihidupkan, kamera akan mengambil beberapa gambar (biasanya tiga) untuk setiap satu dedahan pada tetapan EV yang lain. Sebagai contoh, dedahan boleh diambil pada -.5, normal, +.5. Ini bertujuan agar kesemua perincian pada objek dapat dikekalkan jika ianya pudar pada imej yang dipilih.

Cara pencahayaan untuk mendapatkan imej fotogram

Ketika mengambil gambar, semua sumber cahaya yang lain perlu disekat untuk mendapatkan hasil kesan fotogram yang baik. Imej mestilah menerima pencahayaan sepenuhnya dari arah belakang. Cahaya yang dipancarkan berkemungkinan akan membias dan melantun ke dinding. Untuk mengelakkan perkara tersebut, kertas keras hitam telah digunakan untuk menyerap cahaya yang melantun tadi.




Gambar 2 : Dua gambar diatas menunjukkan perbezaan cahaya dari atas dan dari belakang.

Latar belakang diterangi dengan baik, dan peraturan yang sama diterapkan di sini ketika menyalakan bahagian bawah permukaan rata untuk benda-benda yang leper. Sekali lagi, penggunaan kilat lampu kilat untuk menyalakan latar belakang, namun begitu pencahayaan kilat berterusan boleh digunakan jika ingin mendapatkan rakaman yang lebih banyak.


Penggunaan perisian Adobe Photoshop

Imej akan diproses di dalam perisian 'Adobe Photoshop' di mana perincian objek akan direkod. Imej ditukar menjadi hitam dan putih dan terbalik untuk mendapatkan latar belakang hitam (lihat *Gambar 3*). Ini kerana menurut teknik fotoram yang asal, imej akan berada dalam tetapan hitam dan putih. Namun begitu, memandangkan proses yang dilakukan akan menggunakan perisian digital sepenuhnya, imej berwarna boleh dihasilkan dengan mudah dan berkemungkinan imej fotoram digital akan menjadi pelbagai dan lebih menarik.




Gambar 3 : Gambar diatas menunjukkan subjek telah ditukar pada tetapan hitam putih.

Kebanyakan perisian pengeditan imej mempunyai pilihan invert. (Dalam Elemen Photoshop ia berada di bawah Filter > Adjustments > Invert). *Filter* ini digunakan bagi membalikkan imej positif kepada imej negatif. Menurut kaedah traditional, dedahan cahaya pada kertas sensitif akan menjadikan imej yang negatif. Jika ada perantaraan penggunaan filem negatif barulah imej akan menjadi positif. Sebagai alternatif, pelarasan lengkung telah digunakan untuk membalikkan imej.



Gambar 4 : Gambar diatas menunjukkan cara melakukan fotoram digital.


Hasilnya akan menjadikan imej itu seakan-akan fotoram seperti yang dihasilkan menggunakan bilik gelap pada zaman dahulu (lihat *Gambar 5*).



Gambar 5 : Gambar diatas menunjukkan hasil imej fotogram menggunakan kaedah digital.

Hasil Dapatan dan Perbincangan

Para pelajar telah berjaya menghasilkan tugas yang diberi mengikut tatacara yang telah diberikan. Pada asalnya imej yang dihasilkan adalah berbentuk hitam dan putih. Namun sepanjang melakukan proses yang asal, telah dijumpai satu proses yang lebih pendek untuk mendapatkan hasil dalam imej berwarna. Gambar asal objek tersebut telah hanya diedit terus dengan menggunakan pilihan invert. (Dalam Elemen Photoshop ia berada di bawah Filter > Adjustments > Invert). Walaupun cara itu lebih mudah, tetapi keaslian teknik fotogram digital yang asal telah berubah. Namun hasilnya juga tidak mengecewakan (lihat *Gambar 6*).



Gambar 6 : Gambar diatas menunjukkan hasil imej fotogram yang telah di 'invert' terus dari imej yang asal.

Perasaan seronok menghasilkan imej dari pelbagai objek telah mendorong pelajar untuk mengeksperimentasi dengan pelbagai objek lain yang dirasakan sesuai untuk menjayakan fotogram digital ini. Antaranya ialah cicak, ketam, cili, udang dan sebagainya. Malahan objek-objek tersebut juga telah diwarnai menggunakan berus di dalam perisian Adobe Photoshop mengikut kreativiti mereka (lihat *Gambar 7*).



Gambar 7 : Gambar diatas menunjukkan hasil imej fotogram oleh pelajar menggunakan kaedah digital.

Kesimpulan

Fotografi biasanya menggunakan lensa untuk menyalakan cahaya ke filem, dan kemudian ke kertas, untuk memberikan perwakilan objektif adegan atau objek. Fotogram bukanlah sebuah gambar yang diambil secara terus. Teknik ini perlu melalui beberapa proses sebelum imej terhasil. Ia biasanya dibincangkan sebagai subjek fotografi, dan dilahirkan pada sekitar masa yang sama, dan dari kimia yang serupa. Namun secara praktikal dan konseptual, teknik ini hanya berkaitan dengan cara penghasilannya yang hampir serupa tetapi berbeza dari teknologi. Ia bukan lagi gambar daripada fotokopi, sinaran X atau imbasan digital. Sehubungan itu, fotogram mengubah dunia fotografi kerana keboleh ulangannya, dan kerana keupayaannya untuk menghasilkan imej yang lebih jelas dan terang.

Adakah ini sebabnya mengapa kini fotogram dan teknik fotografi yang lain berkembang dalam seni kontemporari? Lautan imej yang melonjak dan mengembang di sekeliling kita terutama fotografi dibanjiri dengan fahaman yang dimanipulasi dan fiksi yang tidak terkawal kerana pereka bebas berkarya. Telefon pintar pula membenarkan mengedit dan meningkatkan imej selepas dirakam. Malah kanak-kanak juga boleh mentafsirkan makna yang berlainan dan berbeza dari palet Instagram sebanyak 20 penapis.

Pengenalan kepada proses fotogram yang asal hanya boleh dijelaskan melalui teori. Namun untuk bergerak seiring dengan teknologi, pelbagai teknik dan cara baru mula muncul untuk menggantikan teknik yang tradisional. Walaupun ramai artis yang mempertikaikan teknik tersebut, namun sekurang-kurangnya ia telah

menghasilkan imej akhir yang lebih kurang sama, malahan lebih jelas dan menarik.

Bibliografi

- James, C. (2007). *The Book of Alternative Photographic*. Second Edition. USA: Delmar Cengage Learning,
- Molderings, H. (2009). *Light Years of a Life: The Photogram in the Aesthetic of Laszlo Moholy-Nagy in Moholy-Nagy The Photograms Catalogue Raisonné* edited by Renate Heyne and Floris M. Neusüss, in collaboration with Hattula Moholy-Nagy. Ostfildern: Hatje Cantz Verlag.
- Heyne, R. (2009). *Light Displays: Relations So Far Unknown*, in Moholy-Nagy The Photograms Catalogue Raisonné, ed. Renate Heyne et al. Ostfildern: Hatje Cantz Verlag.
- Papadakis, N. (2013). *Photograms in the Digital Era*. 2nd edition. Kindle E-book, ASIN: B00CKCC8CO.
- Langford, M. (2000). *Basic Photography*. 7th Edition. London: Focal Press, Royal College Art




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Seni Lukis
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001